



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

LAPORAN LIPUTAN MEDIA

1 2 Jun 2019

1. Lelaki cekik ayam jantan; Kosmo
2. Lelaki gantung kucing guna tali di tangga pangsapuri; Harian Metro
3. Lembah tenusu; Harian Metro
4. 4 lagi lembah tenusu dibuka; Berita Harian

OLEH:

**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT DAN ANTARABANGSA
BAHAGIAN PERANCANGAN
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA**

MEDIA CETAK		MEDIA ELEKTRONIK	
<input type="checkbox"/> BERITA HARIAN	<input type="checkbox"/> THE MALAY MAIL	<input type="checkbox"/> BERITA HARIAN	<input type="checkbox"/> THE MALAY MAIL
<input type="checkbox"/> UTUSAN MALAYSIA	<input type="checkbox"/> THE STAR	<input type="checkbox"/> UTUSAN MALAYSIA	<input type="checkbox"/> THE STAR
<input type="checkbox"/> SINAR HARIAN	<input checked="" type="checkbox"/> KOSMO	<input type="checkbox"/> SINAR HARIAN	<input type="checkbox"/> KOSMO
<input type="checkbox"/> HARIAN METRO	<input type="checkbox"/> NEW STRAITS TIMES	<input type="checkbox"/> HARIAN METRO	<input type="checkbox"/> NEW STRAIT TIME
<input type="checkbox"/> THE SUN	<input type="checkbox"/> SUNDAY STAR	<input type="checkbox"/> THE SUN	
RUANGAN : Negara	M/SURAT: <input type="text" value="14"/>	RUANGAN :	
PERKARA			
<input type="checkbox"/> DASAR JABATAN	<input type="checkbox"/> IMPORT EKSPORT	<input type="checkbox"/> SISTEM KUALITI	<input type="checkbox"/> PELBAGAI
<input type="checkbox"/> KESIHATAN AWAM	<input type="checkbox"/> KAWALAN PENYAKIT	<input type="checkbox"/> PENGUATKUASAAN	
<input checked="" type="checkbox"/> KEBAJIKAN HAIWAN	<input type="checkbox"/> TEKNOLOGI VETERINAR	<input type="checkbox"/> ADUAN	
TARIKH			
12.6.2019			

Suspek bertindak kejam sehingga haiwan itu mengalami kekejangan

Lelaki cekik ayam jantan diburu

Oleh EZZUAN AHMAD

DUNGUN – Seorang lelaki berusia 20-an diburu selepas video memaparkan dia mencelik seekor ayam jantan dalam kejadian yang dipercayai berlaku di daerah ini mula tular menerusi media sosial sejak Sabtu lalu.

Berdasarkan video berdurasi 13 saat itu, suspek yang dikenali sebagai beberapa lelaki lain dipercayai rakan-rakannya disapati telah mencelik leher ayam jantan tanpa diketahui motifnya sehingga menyebabkan haiwan itu mengalami kekejangan.

Video yang tular itu mendapat kecaman pelbagai pihak turut menarik perhatian Persatuan Haiwan Malaysia dan Jabatan Perkhidmatan Veterinar.

Pengarah Perkhidmatan Veterinar Terengganu, Dr. Mohd. Termizi Ghazali berkata, pihaknya mengesahkan perbuatan pemuda terbabit dan telah melakukan siasatan berhubung kes tersebut.

"Perbuatan sengaja mencelik ayam tersebut sangat tidak bertanggungjawab walaupun dengan niat hanya untuk bergurau. Jabatan Perkhidmatan Veterinar negeri juga mendapat desakan daripada Persatuan Haiwan Malaysia untuk mengambil tindakan tegas berhubung kes itu.

"Sehubungan itu, kami amat memandang serius insiden berkenaan dan sedang mengumpul maklumat bagi mengenal pasti identiti pelakunya," katanya ketika dihubungi *Kosmo!* di sini semalam.

Mohd. Termizi berkata, tindakan lelaki itu boleh dilasifikasikan sebagai penganiayaan terhadap haiwan dan tindakan undang-undang mengikut Akta Kebajikan 2015 boleh dikenakan.

Jelasnya, berdasarkan peruntukan undang-undang terbabit, hukuman denda sekurang-kurangnya RM20,000 atau penjara maksimum tiga tahun boleh dikenakan kepada pelakunya jika sabit kesalahan.

"Oleh itu, orang awam yang mengenali atau mempunyai maklumat berhubung kes terbabit dimohon tampil membantu Jabatan Perkhidmatan Veterinar negeri untuk menyelesaikan siasatan," jelasnya.



IMEJ lelaki yang dipercayai mencelik seekor ayam jantan tular menerusi media sosial sejak Sabtu lalu.

MEDIA CETAK		MEDIA ELEKTRONIK	
<input type="checkbox"/> BERITA HARIAN	<input type="checkbox"/> THE MALAY MAIL	<input type="checkbox"/> BERITA HARIAN	<input type="checkbox"/> THE MALAY MAIL
<input type="checkbox"/> UTUSAN MALAYSIA	<input type="checkbox"/> THE STAR	<input type="checkbox"/> UTUSAN MALAYSIA	<input type="checkbox"/> THE STAR
<input type="checkbox"/> SINAR HARIAN	<input type="checkbox"/> KOSMO	<input type="checkbox"/> SINAR HARIAN	<input type="checkbox"/> KOSMO
<input checked="" type="checkbox"/> HARIAN METRO	<input type="checkbox"/> NEW STRAITS TIMES	<input type="checkbox"/> HARIAN METRO	<input type="checkbox"/> NEW STRAIT TIME
<input type="checkbox"/> THE SUN	<input type="checkbox"/> SUNDAY STAR	<input type="checkbox"/> THE SUN	
RUANGAN : Setempat	M/SURAT: <input type="text" value="17"/>	RUANGAN :	
PERKARA			
<input type="checkbox"/> DASAR JABATAN	<input type="checkbox"/> IMPORT EKSPORT	<input type="checkbox"/> SISTEM KUALITI	<input type="checkbox"/> PELBAGAI
<input type="checkbox"/> KESIHATAN AWAM	<input type="checkbox"/> KAWALAN PENYAKIT	<input type="checkbox"/> PENGUATKUASAAN	
<input checked="" type="checkbox"/> KEBAJIKAN HAIWAN	<input type="checkbox"/> TEKNOLOGI VETERINAR	<input type="checkbox"/> ADUAN	
TARIKH			
12.6.2019			

HARIAN METRO

■ Lelaki gantung kucing guna tali di tangga pangsapuri

Nurul Hidayah Bahaudin dan Iqhran Ahmad
arn@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Kejam dan tidak berperikemanusiaan. Itu tindakan seorang lelaki apabila membunuh seekor kucing jantan dengan menjerut leher haiwan itu menggunakan tali di sebuah pangsapuri di Seksyen 2, Wangsa Maju, kelmarin.

Pemilik kucing yang mahu dikenali sebagai Asrul, 40 an, berkata, kejadian itu hanya disedari selepas dimaklumkan jirannya yang menemui bangkai haiwan berkenaan dalam keadaan tergantung dengan tali pada tangga di hadapan rumahnya.

Katanya, dia menemui bangkai kucing itu yang di-

RAKAMAN CCTV menunjukkan lelaki menjerut kucing menggunakan tali pada tangga di sebuah blok pangsapuri.

Jerut Jebon

ber nama Jebon di depan pagar rumahnya dalam keadaan tidak bernyawa dengan mulutnya berbuih jam 2.30 petang.

"Pada mulanya, saya ingat dia mati disebabkan diracun lalu dikebumikan di belakang rumah. Namun, jiran yang datang ke rumah jam 10 malam tadi (kelmarin) memaklumkan dia yang meletakkan bangkai kucing di depan rumah saya selepas menemuinya dalam keadaan tergantung dengan tali pada tangga.

"Jiran memaklumkan, rakan kamera litar tertutup (CCTV) menunjukkan seorang lelaki memegang kucing berkenaan sebelum mengikat tali pada leher haiwan terbabit pada tangga.

"Bagaimanapun, percubaan kali pertama lelaki terbabit mengikat leher kucing itu gagal sebelum dia menjerutnya dan mengikat kali

kedua yang mengikatkannya mati dijerut dengan tali berkenaan," katanya di rumahnya di Seksyen 2, Wangsa Maju, semalam.

Asrul yang juga peniaga berkata, kejadian itu kali pertama berlaku di kawasan pangsapuri berkenaan.

Menurutnya, dia sedih dengan tindakan kejam lelaki itu kerana menyebabkan kucing terbabit yang di bela sejak tiga tahun lalu mati dalam keadaan menderita.

Katanya, dia membarulah laporan kejadian di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Wangsa Maju jam 2 pagi semalam untuk tindakan lanjut.

"Saya serahkan siasatan kes ini kepada polis. Besar harapan saya untuk melihat pelakunya ditahan dan dikenakan hukuman setimpal supaya menjadi pengajaran kepada orang lain," katanya.

Sementara itu, Timbalan Ketua Polis Daerah Wangsa Maju Superintendent Muhammad Najib Hamzah ketika dihubungi berkata, usaha mengesan suspek giat dijalankan untuk membantu siasatan mengikut Seksyen 428 Kanun Keseksaan.

MEDIA CETAK		MEDIA ELEKTRONIK	
<input type="checkbox"/> BERITA HARIAN	<input type="checkbox"/> THE MALAY MAIL	<input type="checkbox"/> BERITA HARIAN	<input type="checkbox"/> THE MALAY MAIL
<input type="checkbox"/> UTUSAN MALAYSIA	<input type="checkbox"/> THE STAR	<input type="checkbox"/> UTUSAN MALAYSIA	<input type="checkbox"/> THE STAR
<input type="checkbox"/> SINAR HARIAN	<input type="checkbox"/> KOSMO	<input type="checkbox"/> SINAR HARIAN	<input type="checkbox"/> KOSMO
<input checked="" type="checkbox"/> HARIAN METRO	<input type="checkbox"/> NEW STRAITS TIMES	<input type="checkbox"/> HARIAN METRO	<input type="checkbox"/> NEW STRAIT TIME
<input type="checkbox"/> THE SUN	<input type="checkbox"/> SUNDAY STAR	<input type="checkbox"/> THE SUN	
RUANGAN : bisnes	M/SURAT: <input type="text" value="33"/>	RUANGAN :	
PERKARA			
<input type="checkbox"/> DASAR JABATAN	<input type="checkbox"/> IMPORT EKSPORT	<input type="checkbox"/> SISTEM KUALITI	<input checked="" type="checkbox"/> PELBAGAI
<input type="checkbox"/> KESIHATAN AWAM	<input type="checkbox"/> KAWALAN PENYAKIT	<input type="checkbox"/> PENGUATKUASAAN	
<input type="checkbox"/> KEBAJIKAN HAIWAN	<input type="checkbox"/> TEKNOLOGI VETERINAR	<input type="checkbox"/> ADUAN	
TARIKH			
12.6.2019			

BISNES
TEL: 1-300-22-6787 SAMB 4979
TWITTER: bisnesHM

LEMBAH TENUSU

Kerajaan sasar lima lokasi tingkat pengeluaran susu segar

Nabil Basaruddin
bisnes@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Kerajaan komited untuk merencanakan sektor tenusu negara melalui inisiatif pelaksanaan Lembah Tenusu yang dapat meningkatkan pengeluaran susu segar tempatan.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Sim Tze Tzin berkata, Lembah Tenusu akan dibangunkan di lima lokasi iaitu di Muadzam Shah di Pahang, Muallim dan Larut di Perak serta Bernam di Selangor dan satu lagi lokasi yang belum dikenal pasti di Borneo.

Beliau berkata, Lembah Tenusu di Muadzam Shah adalah antara yang sudah beroperasi yang mana ia dikendalikan oleh satu syarikat tenusu utama dan disertai peladang setempat.

Katanya, tiga lagi lembah yang lain kecuali Borneo dijangka dapat mula beroperasi pada penghujung tahun ini dan berharap ia dapat membantu meningkatkan pengeluaran susu segar.

"Kadar pengeluaran susu segar di Malaysia masih rendah iaitu berada pada paras 58.2 peratus dan ia adalah rendah berbanding negara lain menjadikan masih banyak peluang boleh diteroka peladang tempatan.

"Sekiranya dilihat dengan prestasi ladang kita, purata seekor lembu dapat menghasilkan 9.3 liter susu dan seekor lembu di Belanda mampu mengeluarkan sehingga 31 liter susu.

"Oleh itu, dengan adanya

lembah ini, ia sedikit sebanyak membantu untuk meningkatkan pengeluaran dari 58.2 peratus kepada 100 peratus dalam tempoh lima tahun bermula tahun ini," katanya pada sidang media selepas majlis pelancaran program Farmer2Farmer oleh Dutch Lady Malaysia di sini, semalam.

Hadir sama, Duta Belanda ke Malaysia, Karin Mosselechner dan Pengarah Urusan Dutch Lady Malaysia, Tarang Gupta.

Sim berkata, kerajaan akan menjalankan kerja membangunkan infrastruktur di semua lima Lembah Tenusu dan selepas ia siap, ia akan disewa kepada peladang tempatan yang mahu membiakkan lembu-lembu mereka.

Katanya, usaha itu juga dapat mengurangkan kebengtungan negara kepada import tenusu seperti susu segar dan produk tenusu lain yang berjumlah RM3.9 bilion.

"Jadi, ia adalah peluang perniagaan yang boleh diteroka oleh peserta industri dan peladang kecil dalam industri tenusu di sini dan tidak lagi bergantung kepada import luar negara," katanya.

Bantu peladang tempatan

Dutch Lady Milk Industries Berhad (Dutch Lady Malaysia) berhasrat untuk membantu membangunkan industri tenusu tempatan di negara ini melalui Program Farmer2Farmer yang mula dilaksanakan sejak 2013.

Pengarah Urusan Dutch Lady Malaysia, Tarang Gupta berkata, program berkenaan adalah inisiatif peladangan yang bertujuan untuk memperingkatkan produktiviti dan pendapatan peladang tempatan.

Beliau berkata, ia adalah penting untuk mewujudkan asas yang kukuh dalam membina industri tenusu yang mampan bagi memenuhi permintaan yang semakin meningkat dari kalangan pengguna Malaysia melalui program itu.

"Susu semestinya menjadi minat syarikat dan kami sentiasa berbangga untuk berkongsi warisan dan amanah terbitk Belanda lebih 140 tahun dengan peladang tenusu Malaysia.

"Kami berharap mereka dapat mengeluarkan susu dengan jumlah yang besar dan kualiti lebih baik, seterusnya memajukan industri tenusu yang telah kukuh pada masa depan," katanya pada majlis pelancaran program Farmer2Farmer di sini, semalam.

Hadir sama, Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Sim Tze Tzin dan Duta Belanda ke Malaysia, Karin Mosselechner.

Program tersebut adalah sebahagian daripada Program Pembangunan Tenusu (DAP) oleh Royal Friesland yang menyartikan induk kepada Dutch Lady Malaysia.

Farmer2Farmer adalah kerjasama pinar antara Dutch Lady Malaysia dan Jabatan Perkhidmatan Veterinar (PV) yang dibekalkan Belanda bagi membangunkan perniagaan peladangan tenusu yang kukuh untuk peladang tempatan.

Gupta berkata, sejak program DAP dilaksanakan di negara pada 2008, ia berjaya mengeluarkan sehingga 25 juta kilogram susu segar tempatan.

Malah, katanya, dari 2013 hingga tahun lalu, Program Farmer2Farmer pula memberi manfaat kepada 300 peladang tenusu meliputi peserta dari lapan negeri.

MEDIA CETAK		MEDIA ELEKTRONIK	
<input checked="" type="checkbox"/> BERITA HARIAN	<input type="checkbox"/> THE MALAY MAIL	<input type="checkbox"/> BERITA HARIAN	<input type="checkbox"/> THE MALAY MAIL
<input type="checkbox"/> UTUSAN MALAYSIA	<input type="checkbox"/> THE STAR	<input type="checkbox"/> UTUSAN MALAYSIA	<input type="checkbox"/> THE STAR
<input type="checkbox"/> SINAR HARIAN	<input type="checkbox"/> KOSMO	<input type="checkbox"/> SINAR HARIAN	<input type="checkbox"/> KOSMO
<input type="checkbox"/> HARIAN METRO	<input type="checkbox"/> NEW STRAITS TIMES	<input type="checkbox"/> HARIAN METRO	<input type="checkbox"/> NEW STRAIT TIME
<input type="checkbox"/> THE SUN	<input type="checkbox"/> SUNDAY STAR	<input type="checkbox"/> THE SUN	
RUANGAN : bisnes	M/SURAT: <input type="text" value="24"/>	RUANGAN :	
PERKARA			
<input type="checkbox"/> DASAR JABATAN	<input type="checkbox"/> IMPORT EKSPORT	<input type="checkbox"/> SISTEM KUALITI	<input checked="" type="checkbox"/> PELBAGAI
<input type="checkbox"/> KESIHATAN AWAM	<input type="checkbox"/> KAWALAN PENYAKIT	<input type="checkbox"/> PENGUATKUASAAN	
<input type="checkbox"/> KEBAJIKAN HAIWAN	<input type="checkbox"/> TEKNOLOGI VETERINAR	<input type="checkbox"/> ADUAN	
TARIKH			
12.6.2019			

→ **BISNES**

4 lagi Lembah Tenusu dibuka

→ Kerajaan mahu tingkat kapasiti pengeluaran susu segar tempatan

Oleh Nasuha Badrul Huzaini
nasuha@bh.com.my

Kerajaan akan membuka empat lagi Lembah Tenusu di negara ini bagi meningkatkan lagi kapasiti pengeluaran susu segar tempatan.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Sim Tze Tzin berkata, dua lokasi Lembah Tenusu berkenaan adalah di daerah Muallim dan Larut yang terletak di negeri Perak, satu di daerah Bernam, Selangor dan satu lagi di Sabah.

Katanya, bagi Lembah Tenusu di Perak dan Selangor, ia dijangka mula beroperasi menjelang akhir tahun ini.

"Pembukaan lebih banyak Lembah Tenusu ini menyusuli kejayaan mengagumkan Lembah Tenusu yang sudah beroperasi di Muadzam Shah, Pahang yang mana ia dikendalikan sebuah syarikat tenusu utama dan turut disertai oleh peladang setempat.

Sewa pada peladang tempatan
"Kerajaan akan menjalankan kerja-kerja infrastruktur di semua Lembah Tenusu berkenaan dan selepas ia siap, ia akan disewa kepada peladang tempatan yang mahu membiakkan lembu-lembu mereka," katanya pada sidang media selepas majlis pelancaran program Farmer2Farmer oleh Dutch Lady Malaysia di Kuala Lumpur, semalam.

Hadir sama pada majlis berkenaan ialah Duta Besar Belanda ke Malaysia, Karin Mossenlechner dan Pengarah Urusan Dutch Lady Milk Industries Bhd, Tarang Gupta.

Mengulas lanjut, Tze Tzin berkata, Kadar Sara Diri (SSL) susu segar di negara ini masih rendah iaitu berada pada paras 58.2 peratus dan ia adalah rendah berbanding negara lain.

"Justeru, saya melihat masih banyak peluang yang boleh diteroka oleh peserta industri dan peladang kecil dalam industri tenusu di sini.

"Sekiranya dilihat dengan prestasi ladang kita, purata seekor lembu dapat menghasilkan 9.3 liter susu dan seekor lembu di Belanda mampu mengeluarkan sehingga 31 liter susu.

"Selain itu, menerusi operasi lima Lembah Tenusu berkenaan, kerajaan menyasar ia dapat meningkatkan SSL kepada 100 peratus dalam tempoh lima tahun akan datang," katanya.

(FOTO NURUL SYAZANA ROSE, BAZMAN/RIH)



Sim Tze Tzin bersama Karin Mossenlechner dan Tarang Gupta (kanan) pada majlis pelancaran program Farmer2Farmer oleh Dutch Lady Malaysia di Kuala Lumpur, semalam.